

Perubahan Antartika beri kesan iklim negara

Amirul Salam Hasan

Berita Harian Online

Januari 30, 2024 @ 12:34pm



Wan Mohd Rauhan berkata, setiap perubahan di benua Antartika mempunyai petunjuk penting kepada proses rumit planet ini dan memainkan peranan besar dalam sistem iklim bumi. - Foto ihsan UMT

KUALA TERENGGANU: Malaysia tidak akan terlepas daripada setiap perubahan yang berlaku di benua Antartika meskipun berada jauh daripada kutub itu.

Penyelidik Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr Wan Mohd Rauhan Wan Hussin, berkata benua itu mempunyai petunjuk penting kepada proses rumit planet ini dan memainkan peranan besar dalam sistem iklim bumi.

Katanya, Antartika menyimpan kira-kira 90 peratus air tawar dalam bentuk lapisan air, glasier dan bongkah ais tidak terlepas daripada mendapat kesan buruk akibat pemanasan global yang akhirnya akan membawa kepada bencana ke seluruh bumi seperti kemarau melampau, gelombang haba dan banjir besar.

"Ia selalu digambarkan sebagai makmal semula jadi, Lautan Selatan yang mengelilingi Antartika menghubungkan tiga lembangan lautan utama dan peredaran air dan suhunya sangat dipengaruhi oleh ais di Antartika.

"Lautan Selatan ialah sinki karbon paling berkuasa dan menyerap kira-kira 30 peratus daripada keluaran karbon dioksida yang disebabkan oleh manusia. Kemusnahan ekosistem dan biodiversitinya akan mengurangkan keupayaannya untuk menangkap karbon, seterusnya meningkatkan suhu bumi," katanya.

Tegas Wan Mohd Rauhan, pembabitkan Malaysia dalam penyelidikan Antartika bermula pada 1999 melalui Program Penyelidikan Antartika Malaysia (MARP) membabitkan ekspedisi saintifik dengan kerjasama New Zealand

Katanya, Malaysia sekali lagi menyatakan komitmen sebagai negara aktif yang memandang serius akan isu alam berkaitan Antartika menerusi penubuhan Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM) pada Julai 2012.

Namun sejarah terpahat apabila Pusat Penyelidikan Antartika Kebangsaan (NARC) ditubuhkan pada tahun 2002 dengan peningkatan bilangan penyelidik dari pelbagai universiti tempatan yang bertindak sebagai penyelaras penyelidikan.

Malah, Malaysia melalui Kementerian Sains dan Teknologi (MOSTI) dan YPASM menyumbang dana lebih daripada RM8 juta dalam bentuk geran penyelidikan dan biasiswa.

Walaupun negara tidak mempunyai pangkalan penyelidikan rasmi di benua beku itu, namun dengan sumbangan dana ia cukup menzahirkan hasrat Malaysia serta sebagai petunjuk utama untuk membantu penyelidik mendapatkan kerjasama dengan saintis dari negara lain.

Untuk rekod, Malaysia adalah antara 196 negara yang menandatangani Perjanjian Paris yang bertujuan untuk mengekalkan kenaikan purata suhu global di bawah 1.5°C di atas paras pra-perindustrian.

Perjanjian Paris turut mensasarkan untuk memperlahankan atau menghentikan kehilangan Lembaran Ais Antartika dan kesannya dalam meningkatkan paras laut.

Wan Mohd Rauhan berkata, amat penting untuk kita mengambil tahu bahawa Lembaran Ais Antartika adalah simpanan terbesar air tawar di bumi kira-kira bersamaan dengan hampir 60 meter paras laut.

"Sekiranya bekuan ais ini mencair, ia akan membawa kepada kemusnahan yang amat besar.

"Dalam istilah yang lebih mudah, apa yang berlaku di Antartika memberi kesan kepada seluruh planet dan Malaysia tidak akan terlepas daripadanya kesannya.

"Sesetengah orang mungkin berpendapat bahawa kita harus menumpukan pada usaha dalam skala serantau tanpa perlu komited kepada usaha yang lebih besar di benua yang jauh dari kita.

"Namun perlu diketahui bahawa kita juga menyumbang kepada pemanasan global dan tanggungjawab untuk memelihara Antartika tidak seharusnya diketepikan," katanya.

Tegas beliau, isu-isu berkaitan perubahan iklim perlu diperjelaskan kepada semua lapisan masyarakat dan usaha menangani impak perubahan iklim memerlukan sokongan daripada pelbagai kementerian dan agensi serta badan bukan kerajaan supaya Malaysia berupaya menjadi peneraju dalam menangani perubahan iklim dan bukan hanya sekadar pemerhati atas usaha yang dilakukan pihak lain.